



TEKS UCAPAN

**TUAN YANG TERUTAMA
TUN DATO' SERI UTAMA AHMAD FUZI BIN HAJI ABDUL RAZAK
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG**

**MAJLIS MAKAN MALAM PENAUANG TAHUN 2024
MAJLIS DATO'-DATO' NEGERI PULAU PINANG**

**PADA 23 OGOS 2024 (JUMAAT) JAM 8.30 MALAM
DI G HOTEL, PULAU PINANG**

Bismillahirrahmanirrahim

YAB Tuan Chow Kon Yeow

Ketua Menteri Pulau Pinang,

YB Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Dato' Seri Utama Karpal Singh

Timbalan Ketua Menteri 2 Pulau Pinang,

YB Dato' Seri Haji Rosli bin Isa

Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang,

YBhg Dato Seri (Dr.) Hj. Abdul Rafique bin Abdul Karim

Presiden Majlis Dato-Dato Negeri Pulau Pinang,

YBhg Timbalan Presiden,
Mantan Presiden,
Naib-Naib Presiden,
dan Ahli-Ahli Majlis Pengurusan,
Majlis Dato'-Dato' Negeri Pulau Pinang,

YBhg Dato' Seri-Dato' Seri dan Datin Seri-Datin Seri,

YBhg Dato'-Dato' dan Datin-Datin,

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih atas jemputan kepada saya dan Toh Puan untuk menghadiri Majlis Makan Malam Penaung Tahun 2024 anjuran Majlis Dato'-Dato' Negeri Pulau Pinang pada malam yang bahagia ini.

2. Ucapan tahniah kepada Presiden dan Ahli Majlis Pengurusan Majlis Dato'-Dato' Negeri Pulau Pinang yang bertungkus-lumus menjayakan Majlis yang berprestij ini di mana ini merupakan kali kedua dihadiri oleh saya dan Toh Puan.

3. Tidak lupa juga saya ucapkan tahniah kepada penerima-penerima yang baru sahaja dianugerahkan Darjah Kebesaran yang membawa gelaran Dato', Dato' Seri dan Dato Seri Utama dalam Majlis Istiadat Penganugerahan pada tahun ini.

4. Sebagaimana yang kita semua sedia maklum, Majlis Dato'-Dato' Negeri Pulau Pinang telah memberikan sumbangan yang besar kepada kebajikan masyarakat yang kurang bernasib baik, persatuan atau NGO serta seluruh rakyat pelbagai lapisan di Pulau Pinang, khasnya sejak Majlis ditubuhkan pada tahun 1987. Menelusuri sejarah 37 tahun penubuhannya, Majlis telah dipacu oleh sepuluh (10) orang Presiden sehingga sekarang. Saya percaya, dalam tempoh yang begitu lama ini, sudah banyak jasa dan bakti yang telah dicurahkan oleh Majlis ini kepada rakyat. Saya berharap, sikap dan usaha murni ini sentiasa didokong oleh semua Ahli Majlis berbilang bangsa yang hampir mencecah 1,100 orang, agar kita dapat bersama-sama membentuk kehidupan masyarakat yang lebih bahagia dan harmoni.

5. Saya juga percaya, Majlis Dato'-Dato' Negeri Pulau Pinang memiliki kekuatannya yang tersendiri kerana ahli-ahlinya datang dari latar belakang yang berbeza seperti kerajaan, politik, korporat, NGO, perubatan, pendidikan dan pelbagai sektor lagi yang tentunya sudah memiliki kejayaan dalam bidang masing-masing. Justeru itu, gabungan minda dan tenaga semua ahli-ahli sudah pasti dapat menghasilkan sesuatu yang akan mendatangkan manfaat besar kepada masyarakat.

Hadirin Hadirat yang dihormati sekalian,

6. Saya difahamkan Majlis malam ini akan menyaksikan pemberian sumbangan dari Yayasan Majlis Dato'-Dato' Negeri Pulau Pinang berjumlah RM60,000.00 kepada enam (6) buah badan kebajikan untuk kegiatan masing-masing. Selain itu, Majlis ini juga akan menyaksikan buat kali pertama, penyampaian Anugerah Sukarelawan Cemerlang dan Anugerah Belia Cemerlang dalam bentuk wang tunai RM5,000.00 berserta medal.

7. Sebagai Penaung, saya menyanjung tinggi dan akan terus menyokong segala inisiatif dan usaha murni Majlis Dato'-Dato' Pulau Pinang dalam melaksanakan aktiviti dan program amal dan kemasyarakatan demi kepentingan rakyat. Semoga tradisi dan sifat kemurahan hati dan ringan tulang ahli-ahli Majlis dapat di diteruskan pada masa hadapan.

8. Harapan saya ialah agar Majlis Dato'-Dato' Negeri Pulau Pinang dapat menetapkan suatu tahap yang lebih tinggi serta dicontohi oleh NGO-NGO lain di negeri ini. Di samping kerja-kerja amal biasa, saya harap tumpuan sewajarnya dapat diberikan dalam bidang pendidikan melalui bantuan *scholarship* kepada pelajar-pelajar yang memerlukan atau sumbangan kemudahan-kemudahan pelajaran seperti *smart board* dan sebagainya untuk sekolah-sekolah di Pulau Pinang.

9. Dalam hal ini kerjasama rapat dan sokongan padu semua ahli adalah penting bagi menjamin segala program dan aktiviti yang dirancang dapat dijayakan sepenuhnya. Adalah amat mendukacitakan melihat segolongan penerima anugerah Darjah Kebesaran Negeri, menarik diri dari menjadi ahli Majlis Dato'-Dato'. Juga diperhatikan ada yang memilih untuk tidak menyertai program program Majlis yang diatitkan atau menyalur sebarang sumbangan sepertimana yang diperlukan.

10. Sukacita saya mengambil kesempatan di sini menyeru semua ahli Majlis agar menghargai sepenuhnya anugerah yang diberikan dengan terus menyumbang kembali, besar atau kecil dan tidak kira dalam apa bentuk sekali pun untuk kepentingan masyarakat.

11. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Presiden dan semua Ahli Majlis dalam menjayakan Majlis Makan Malam ini. Semoga Majlis Dato'-Dato' Negeri Pulau Pinang sentiasa diberikan keberkatan dan dilimpahi rahmat oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala bagi terus berbakti dan berjasa demi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat negeri tercinta ini.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.